



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 17 JUN 2022


BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	MAFI OLAH SEMULA, TAMBAH BAIK SEKURITI MAKANAN NEGARA, BH -ONLINE TANAH TERBIAR SELAMATKAN BEKALAN MAKANAN NEGARA, HM -ONLINE 100 SYARIKAT DISASAR MENYERTA PROGRAM PECUTAN BERASASKAN BIOLOGI, UM -ONLINE KERJASAMA MAFI, KERAJAAN NEGERI MAJUKAN TANAH TERBIAR, LOKAL, HM -26 DASAR MAKANAN DITAMBAH BAIK, NASIONAL, BH -15 TANAH TERBIAR DIBANGUNKAN TAMBAH KELUASAN PERTANIAN, NASIONAL, BH -15 MEMPERKUKUHKAN SEKURITI MAKANAN NEGARA, NASIONAL, SH -5 BANGUN TANAH TERBIAR ANTARA USAHA SEKURITI MAKANAN, NASIONAL, SH -25	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
9. 10. 11.	NAFAS, ANGKASA TERLIBAT EKOSISTEM INDUSTRI AYAM, UM -ONLINE LADANG JAGUNG GANTI TEMBAKAU DI KELANTAN, TERENGGANU, NEGARA, KOSMO -14 NAFAS KENAL PASTI 12,140 HEKTAR KAWASAN TANAMAN JAGUNG BIJIAN DI KELANTAN, TERENGGANU, NASIONAL, SH -25	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
12. 13. 14. 15. 16. 17.	KUASAI TEKNOLOGI MODEN MAJUKAN SEKTOR PERTANIAN NEGARA, BH -ONLINE 'JANGAN NAIK HARGA AYAM TERLALU MAHAL', LOKAL, HM -27 HARGA AYAM TERUS DIPANTAU, NASIONAL, BH -14 FOMCA MINTA PENGGUNA BUAT ADUAN, NASIONAL, BH -14 HARGA AYAM AKAN NAIK BULAN DEPAN APABILA DIAPUNGKAN, NASIONAL, SH -25 'MIDDLEMEN NOT ENTIRELY TO BLAME', NEWS, THE SUN -3	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/6/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

## MAFI olah semula, tambah baik sekuriti makanan negara



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee. - Foto NSTP

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bersedia menambah baik dan mengolah semula Pelan Tindakan membabitkan komoditi makanan bagi meningkatkan tahap sara diri (SSL) untuk memastikan sekuriti makanan dalam negara terjamin.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata langkah itu membabitkan Dasar Agro Makanan

Negara 2.0 dan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN), khususnya apabila negara sebelum ini belum berhadapan keadaan pasca pandemik yang mencabar.

Beliau berkata, perkembangan terkini membabitkan konflik geopolitik (peperangan Russia-Ukraine) dan kesan penutupan sempadan ketika pandemik menimbulkan keperluan itu.

"Apabila kita merangka DSMN dan Dasar Agro Makanan Negara, kita belum berhadapan satu tahap pasca pandemik yang mencabar. Namun, perkembangan terbaru menambah cabaran terhadap rantaian makanan negara bukan saja di Malaysia, tetapi juga seluruh dunia.

"Jadi kita di kementerian bersedia menambah baik pelan tindakan yang kita olah dalam keadaan yang kurang mencabar dan disesuaikan dalam keadaan kini yang mencabar," katanya dalam temu bual eksklusif bersama BernamaTV.

Pada masa sama, beliau memaklumkan kerajaan berjaya menangani kesan daripada gangguan rantaian bekalan sekali gus mengelakkan negara daripada berhadapan dengan keadaan krisis yang melampau.

"Kita sentiasa bersedia untuk melakar dan mengolah Pelan-Pelan Tindakan yang strategik dan perlu bagi memastikan gangguan ini tidak memberi kesan krisis kepada bekalan rantaian makanan di negara kita," katanya. -

BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/6/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

## Tanah terbiar selamatkan bekalan makanan negara



Ronald Kiandee (tengah) melawat gerai pameran pada Majlis Pelancaran Program Bio-Based Accelerator (BBA) di sini hari ini. FOTO Samadi Ahmad

Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan mengadakan kerjasama dengan kerajaan negeri bagi membangunkan kawasan tanah terbiar bagi meningkatkan sektor pertanian.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, cadangan itu adalah langkah dan tindakan kerajaan dalam usaha menjamin kelangsungan bekalan makanan negara.

Katanya, perkara itu akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam mesyuarat dengan menteri besar dan ketua menteri di Pengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob hujung bulan ini.

"Antara pendekatan yang akan diambil adalah bagi membangunkan tanah-tanah terbiar sama ada milik tempatan, agensi dan kerajaan negeri" katanya pada Majlis Pelancaran Program Bio-Based Accelerator (BBA) di sini, tadi.

Media sebelum ini melaporkan, Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) dipengerusikan Perdana Menteri memutuskan lima langkah diambil bagi menjamin sekuriti makanan negara.

Ia membabitkan kerjasama kerajaan dengan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan dan kerajaan negeri, kerjasama awam dan swasta serta jaminan pasaran bagi hasil pertanian diusahakan peladang dan petani.

Kiandee berkata, setakat ini bekalan ikan dan sayur mencukupi berbanding bekalan ayam yang berhadapan sedikit gangguan sejak beberapa minggu.

Menurutnya, Mesyuarat Kabinet yang diadakan kelmarin turut bersetuju dengan pelaksanaan tiga intervensi tambahan bagi menangani isu bekalan makanan sekaligus merencanakan aktiviti pengeluaran makanan domestik.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## 100 syarikat disasar menyertai Program Pecutan Berasaskan Biologi



RONALD Kiandee menyaksikan MoU antara Mohd. Khairul Fidzal Abdul Razak (kanan) dengan Ahli Lembaga Perbadanan Produktiviti Malaysia, Mohd Yazid Abdul Majid (kiri) pada Majlis Pelancaran Program Bio-based Accelerator (BBA) di Putrajaya. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

PUTRAJAYA: Walaupun baru sahaja dilancarkan pada awal tahun ini, sebanyak 49 buah syarikat telah pun mendapat status Program Pecutan

Berasaskan Biologi (BBA) di seluruh negara.

Perkembangan baik itu mendorong Bioeconomy Development Corporation Malaysia Sdn. Bhd. optimis menyasarkan mampu mencapai keseluruhan 100 buah syarikat menyertai program ini.

Angka berkenaan dianggap realistik dalam usaha agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan itu bagi menyokong misi agenda Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2021-2030.

Setakat ini, menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohd. Khairul Fidzal Abdul Razak, kesemua syarikat terlibat mengunjurkan nilai pelaburan RM737 juta dengan 2,000 peluang pekerjaan.

“Sasaran ditetapkan dalam tempoh tiga tahun namun jika baki 51 buah syarikat menyertai BBA kelak, nilai pelaburan keseluruhan dijangka cecah RM2 bilion menjelang akhir 2025,” katanya selepas menyaksikan Majlis Pelancaran Program BBA secara rasmi oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, di sini hari ini.

Pada acara itu, beberapa anugerah disampaikan kepada syarikat yang menyertai BBA selain pertukaran dokumen memorandum persefahaman dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia.

BBA diolah oleh Bioeconomy Corporation untuk sokongan komprehensif pembangunan teknologi dan produk, akses pasaran, pengkomersialan, perkongsian fasiliti serta kemudahan dana.

Aspek bioteknologi dalam sektor pertanian antara tumpuan kementerian untuk agenda sekuriti makanan negara dan syarikat terlibat BBA itu berpeluang dinaik taraf kepada status BioNexus.

“Syarikat yang raih anugerah ini layak terima pelbagai insentif fiskal fasilitasi dan jaminan lain termasuk pengecualian cukai tertentu bagi memacu pertumbuhan,” kata Mohd. Khairul Fidzal.

Sejumlah 10 buah syarikat BBA ujarnya, dikenal pasti akan diberi taraf BioNexus yang diuruskan Bioeconomy Corporation dengan enam bakal menerima tahun ini dan bakinya tahun depan.

Pada masa yang sama katanya, agensi itu berharap lebih banyak syarikat tempatan sama ada pemula serta perusahaan kecil dan sederhana akan memohon untuk menyertai program BBA.

Langkah itu jelasnya, akan membantu syarikat tersebut bergerak maju kerana selama ini mereka berdepan kekurangan pendedahan, masalah rantaian bekalan, teknologi dan pemasaran.

Agensinya bersedia membantu mereka termasuk program pengambilan staf iaitu Biokerjaya @ My Future Agro, di samping aktiviti klinik e-Halal serta pembiayaan Dana Teroka Asas Tani.

“Kami turut ada membangunkan modul khas iaitu Kemudahan Teknologi, Pembangunan Produk dan Capaian Pasaran serta Promosi Eksport untuk peserta program BBA,” tambah beliau. – UTUSAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/6/2022	HARIAN METRO	LOKAL	26

## TINGKAT SEKTOR PERTANIAN

# Kerjasama Mafi, kerajaan negeri majukan tanah terbiar

**Putrajaya:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) akan mengadakan kerjasama dengan kerajaan negeri bagi membangunkan kawasan tanah terbiar bagi meningkatkan sektor pertanian.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, cadangan itu langkah dan tindakan kerajaan dalam usaha menjamin kelangsungan bekalan makanan negara.

Katanya, perkara itu akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam mesyuarat dengan menteri besar dan ketua menteri di Pengerusian Perdana Men-

teri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob hujung bulan ini.

“Antara pendekatan yang akan diambil adalah bagi membangunkan tanah terbiar sama ada milik tempatan, agensi dan kerajaan negeri,” katanya pada Majlis Pelancaran Program Bio-Based Accelerator (BBA) di sini, semalam.

Media sebelum ini melaporkan Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) dipengerusikan Perdana Menteri memutuskan lima langkah diambil bagi menjamin sekuriti makanan negara.

Ia membabitkan kerjasama kerajaan dengan sya-

rikat berkaitan kerajaan dan kerajaan negeri, kerjasama awam dan swasta serta jaminan pasaran bagi hasil pertanian diusahakan peladang dan petani.

Kiandee berkata, setakat ini bekalan ikan dan sayur mencukupi berbanding bekalan ayam yang berhadapan sedikit gangguan sejak beberapa minggu.

Menurutnya, Mesyuarat Kabinet yang diadakan kelmarin turut bersetuju dengan pelaksanaan tiga intervensi tambahan bagi menangani isu bekalan makanan sekaligus merencanakan aktiviti pengeluaran makanan domestik.

# Dasar makanan ditambah baik

Langkah tingkat tahap sara diri pastikan bekalan terjamin

**Kuala Lumpur:** Dasar Agro Makanan Negara 2.0 dan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) akan ditambah baik bagi meningkatkan tahap sara diri (SSL) untuk memastikan sekuriti makanan dalam negara terjamin.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang, berkata pelan tindakan membabitkan komoditi makanan itu perlu dilah semula kerana negara sebelum ini belum berdepan keadaan pasca pandemik yang mencabar.

Beliau berkata, perkembangan terkini membabitkan konflik geopolitik (peperangan Rusia-Ukraine) dan kesan penutupan sem-

padan ketika pandemik menimbulkan keperluan itu.

"Apabila kita merangka DSMN dan Dasar Agro Makanan Negara, kita belum berhadapan satu tahap pasca pandemik yang mencabar. Namun, perkembangan terbaru menambah cabaran terhadap rantaian makanan negara bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga seluruh dunia.

"Jadi kita di kementerian bersedia menambah baik pelan tindakan yang kita olah dalam keadaan yang kurang mencabar dan disesuaikan dalam keadaan kini yang mencabar," katanya dalam temu bual

eksklusif bersama *BernamaTV*.

Pada masa sama, beliau memaklumkan kerajaan berjaya menangani kesan daripada gangguan rantaian bekalan sekali gus mengelakkan negara daripada berhadapan dengan keadaan krisis yang melampau.

"Kita sentiasa bersedia untuk melakar dan mengolah Pelan-Pelan Tindakan yang strategik dan perlu bagi memastikan gangguan ini tidak memberi kesan krisis kepada bekalan rantaian makanan di negara kita," katanya.

BERNAMA

Apabila kita merangka DSMN dan Dasar Agro Makanan Negara, kita belum berhadapan satu tahap pasca pandemik yang mencabar. Namun, perkembangan terbaru menambah cabaran terhadap rantaian makanan negara bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga seluruh dunia

**Ronald Kiang,**  
Menteri Pertanian dan Industri Makanan



# Tanah terbiar dibangunkan tambah keluasan pertanian

**Putrajaya:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk membangunkan tanah terbiar, bagi menambah keluasan tanah pertanian.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiang, berkata cadangan bagi memastikan usaha berterusan bagi menjamin kelangsungan bekalan makanan negara.

Katanya, perkara ini akan dibincangkan dalam mesyuarat dengan menteri besar dan ketua menteri yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, hujung bulan ini.

"Antara pendekatan yang akan diambil bagi membangunkan tanah terbiar sama ada milik tempatan, agensi dan kerajaan negeri," katanya.



Tanah terbiar wajar dibangunkan untuk projek pertanian bagi memastikan bekalan makanan dalam negara terjamin. (Foto hiasan)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/6/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	5

Penyelidikan dan pembangunan kesihatan ikan jamin stok bekalan, lebih produktif dan selamat

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**  
Foto ROSLI TALIB

**P**enyelidikan di dalam sektor perikanan mampu menjamin bekalan sekuriti makanan negara, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Menurutnya, kajian ikan, pemerkasaan penternakan, pengkomersialan dan inovasi menjadi nadi pembangunan sektor tersebut selari dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0).

"Bagi mehcapai matlamat DAN 2.0, kaedah perikanan pintar menjadi fokus memodenkan sektor perikanan negara bagi meningkatkan produktiviti semua sub-sektor agromakanan," katanya.

Beliau berkata, kerjasama pelbagai agensi penyelidikan kerajaan, institut pengajian tinggi awam dan swasta dalam kajian tersebut tepat pada masanya.

Dengan produk-produk yang dihasilkan oleh penyelidik, ia dapat memantau dan mengawal kejadian penyakit serta meminimalkan kerugian akibat kematian ikan atau udang.

"Selain itu, ia turut memberi pilihan kaedah kawalan atau rawatan kepada kumpulan asar melalui penggunaan produk mesra alam yang boleh mengahadkan wabak penyakit yang mengancam industri akuakultur.

Kedaaan ini menyebabkan produk akuakultur yang dihasilkan adalah selamat dan mampan.

Ahmad berkata, jabatan mensasarkan untuk hasil pengeluaran dari akuakultur meningkat kepada 40% pada tahun 2025. Penghasilan produk rawatan penyakit ikan berasaskan herba dan menjamin biosekuriti perikanan.

Jelasnya, Jabatan Perikanan (DOF) telah mengesân pelbagai penyakit melibatkan agrokultur yang boleh menyebabkan kerugian dan menjejaskan stok bekalan.



AHMAD

“

*Kita telah laksanakan kaedah perikanan pintar kepada hampir semua penternak di negara ini dan ia banyak membantu mengutangkan kos bagi mengatasi penyakit ikan."*

Namun katanya, penyelidik telah membuat penemuan baharu berasaskan produk herba yang selamat untuk biosekuriti perikanan.

Ujar Ahmad, kajian tersebut bertujuan memastikan penternak dapat membekalkan ikan yang sihat dan berkualiti bahkan selamat untuk dimakan.

Tambahnya, setakat ini, industri perikanan negara tidak mengalami masalah kekurangan ikan.

"Pendaratan ikan di seluruh negara masih stabil dan pengeluarannya mencukupi untuk keperluan rakyat," katanya.

Menurutnya, sumber perikanan amat penting kepada rakyat negara ini kerana penggunaan ikan per kapita (Per Capita Consumption) negara iaitu 45.15 kilogram setahun dengan tahap



Ahmad berkesempatan melawat gerai-gerai pempamer di tapak pameran.



1. Ahmad (tengah) bersama Wan Muhammad Aznan merasmikan Pra Pelancaran Simposium, Ke-11 Diseases in Asian Aquaculture (DAA11) yang diadakan di Jabatan Perikanan Malaysia, pada Khamis.

kecukupan (SSL) ikan adalah 92.75 peratus.

"Ini bermakna orang Malaysia memang makan ikan, sebab itulah kita beri penekanan kepada sektor perikanan bukan sahaja dapat membekalkan ikan yang selamat bahkan tidak ada mempunyai masalah," katanya menerusi sidang akhbar selepas merasmikan pra pelancaran Simposium Ke-11 Diseases in Asian Aquaculture (DAA) di sini, pada Khamis.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan), Wan Muhammad Aznan Abdullah.

Simposium DAA merupakan satu forum peringkat antarabangsa yang membincangkan mengenai penemuan terkini dalam penyelidikan kesihatan ikan, teknologi pengesanan penyakit, maklumat pengawalan penyakit, peraturan antarabangsa dan maklumat lain yang berkaitan pengurusan kesihatan ikan.

Siri DAA telah berjaya mengumpul

saintis, penyelidik, industri akuakultur, pihak berkuasa dan industri berkaitan dalam kesihatan ikan dari pelbagai benua.

Kira-kira 500 peserta daripada 30 negara menghadiri siri DAA, manakala sebanyak sembilan inovasi Institut Penyelidikan Perikanan di bawah DOF akan diketehgahkan semasa DAA11.

Produk tersebut dapat membantu membangunkan industri akuakultur supaya lebih mampan dan berdaya saing.

Bertemakan Sarawak, Dunia Pengembaraan: Menerokai Kesihatan Haiwan Akuatik untuk Kelestarian Industri Akuakultur, DAA11 dianjurkan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), International Islamic University Malaysia (IIUM), WorldFish, Aquaculture Asia Pacific (AAP), dan Persatuan Nelayan Malaysia (MFS) serta disokong oleh Sarawak Convention Bureau (SCB).



Ahmad (kiri) menyampaikan Sijil Jalanan Kerjasama kepada rakan penganjur yang terlibat.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Nafas, Angkasa terlibat ekosistem industri ayam



ISMAIL Sabri Yaakob mengadakan pertemuan dengan Ahli Jemaah Pengarah Nafas dan Anggota Lembaga Angkasa di Putrajaya. - FOTO PEJABAT PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA: Pertubuhan Peladang Kebangsaan ([Nafas](#)) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) akan terlibat dalam keseluruhan ekosistem industri ayam sebagai satu usaha menjamin sekuriti makanan negara.

Langkah kedua-dua pertubuhan itu yang masing-masing mempunyai seramai sejuta dan tujuh juta ahli melalui 14,835 koperasi diyakini berupaya membantu kerajaan menangani masalah kenaikan harga ayam dan bekalan makanan negara.

Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, ini bermakna Nafas dan Angkasa terlibat dalam industri ayam bermula daripada anak ayam, makanan ternakan, vaksin, reban, pusat pemprosesan, bilik sejuk beku, logistik, pusat pengedaran dan pemasaran sehingga bekalan sampai kepada pengguna.

Jelas beliau, Nafas menyasarkan untuk menguasai 20 peratus pasaran dengan pengeluaran sebanyak 144 juta ekor setahun manakala Angkasa sebanyak 30 juta ekor setahun.

“Kerajaan menyambut baik inisiatif Nafas dan Angkasa untuk terlibat secara signifikan dalam industri ternakan ayam selaras dengan saranan Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) yang mahu kerjasama awam dan swasta diperkukuh bagi meningkatkan hasil pertanian khususnya industri ternakan ayam,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Terdahulu, Perdana Menteri mengadakan pertemuan dengan Ahli Jemaah Pengarah Nafas dan Anggota Lembaga Angkasa bagi membincangkan mengenai langkah-langkah menjamin sekuriti makanan negara.

Ismail Sabri berkata, Nafas dan Angkasa akan lebih proaktif dalam industri penanaman jagung bijirin bagi mengurangkan kebergantungan negara terhadap import bahan mentah untuk makanan ayam.

Bagi tujuan itu, Nafas mengenal pasti kawasan seluas 12,140 hektar di Kelantan dan Terengganu yang sebelum ini ditanam dengan tanaman tembakau untuk tanaman jagung bijirin.

Angkasa pula mengenal pasti kawasan seluas 4,000 hektar tanah di seluruh negara dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

“Setiap hektar mampu mengeluarkan lima tan jagung bijirin dan menampung sebanyak 20 peratus daripada keperluan import jagung bijirin dalam tempoh lima tahun ini.

“Usaha Nafas dan Angkasa yang berskala besar ini diyakini dapat mengurangkan kebergantungan negara terhadap jagung bijirin bagi kegunaan makanan ayam,” katanya.

Pada masa sama, Ismail Sabri meminta Angkasa menerajui sektor koperasi dalam menangani kenaikan kos sara hidup. –UTUSAN ONLINE

# Ladang jagung ganti tembakau di Kelantan, Terengganu

**PETALING JAYA** – Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) telah mengenal pasti kawasan seluas 12,140 hektar di Kelantan dan Terengganu yang sebelum ini digunakan bagi tanaman tembakau untuk digunakan semula bagi tanaman jagung bijian.

Nafas dalam satu kenyataan berkata, ia selaras dengan komitmen agensi itu untuk membantu kerajaan dalam merealisasikan usaha mengurangkan kebergantungan terhadap import jagung bijian yang merupakan antara bahan mentah utama dalam penghasilan makanan ternakan.

“Nafas komited untuk terlibat dalam rantai industri ternakan ayam selaras dengan saranan kerajaan yang mahu kerjasama awam dan swasta diperkukuh bagi meningkatkan hasil pertanian khususnya industri ternakan ayam.

“Nafas juga menyasarkan untuk menguasai 20 peratus pasaran ayam dengan pengeluaran 144 juta ekor setahun,” katanya di sini semalam.

Kata kenyataan itu, ianya sekali gus dapat memastikan harga ayam di pasaran kekal relatif dan stabil.

“Usaha ini dalam masa yang sama dilihat dapat mewujudkan peluang pekerjaan yang baharu dan dapat meningkatkan aktiviti ekonomi di sekitar kawasan yang



**TANAMAN jagung bijian akan dimulakan dalam skala besar di Kelantan dan Terengganu.** – AFP

terlibat sekali gus meningkatkan hasil pendapatan bagi penduduk setempat,” ujarnya.

Tambah kenyataan itu, ketika ini, Malaysia mengimport hampir 100 peratus jagung bijian atau kira-kira dua juta tan setahun dari negara seperti Argentina, Brazil dan Amerika Syarikat (AS).

“Krisis bekalan dan kenaikan harga ayam sering berlaku di negara ini sehingga pelbagai pihak

mendesak agar kerajaan segera menanganinya kerana ia membatikan isu sekuriti makanan.

Jelasnya, usaha Nafas yang berskala besar itu diyakini dapat membantu mengurangkan kebergantungan negara terhadap import jagung bijian yang sangat tinggi bagi kegunaan penghasilan makanan ternakan dan seterusnya dapat menstabilkan harga pasaran ayam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/6/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Kuasai teknologi moden majukan sektor pertanian negara



Teknologi moden mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh dan meningkatkan pengeluaran. - Foto hiasan

Indeks sekuriti makanan serantau menunjukkan Malaysia berada di hadapan negara ASEAN lain. Namun laporan *Global Food Security Index (GFSI) 2021*, menunjukkan Malaysia berada di kedudukan ke-39

dengan 70.1 mata, iaitu peningkatan 6.4 mata berbanding 2020 itu, masih berada di belakang Singapura mencatatkan indeks 77.4 mata.

Angka GFSI diukur melalui kemampuan perolehan makanan, kesediaan makanan, sekuriti dan kualiti makanan itu, memberi isyarat Malaysia perlu menimbang dan mengambil langkah strategik untuk memastikan indeks sekuriti makanan negara terus terjamin dan tidak terjejas.

Indeks sekuriti makanan berkait rapat dengan pengurusan rantaian bekalan makanan, manakala penguatkuasaan terhadap pengurusan rantaian bekalan makanan amat penting bagi mengawal kenaikan harga makanan.

Ketika ini berlaku kenaikan mendadak harga barang makanan di pasaran namun penguatkuasaan dan pemantauan proses jual beli sahaja tidak mampu mengawal kenaikan harga makanan mendadak.

Penguatkuasaan terhadap keseluruhan proses dalam rantaian makanan membabitkan pembekal, pembuatan dan logistik antara langkah membendung manipulasi harga pihak tidak bertanggungjawab.

Kewujudan kartel atau orang tengah dalam rantaian makanan memberi impak negatif kepada kenaikan harga barang makanan. Ini kerana kartel mengaut keuntungan dengan memanipulasi harga barang mentah, sekali gus memberi kesan kepada harga akhir produk makanan.

Ini menuntut kerajaan melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi berkaitan untuk mengambil langkah proaktif dalam mengekang kewujudan golongan mengambil kesempatan serta mengaut keuntungan mudah.

Agensi kerajaan perlu memperkenalkan mekanisme strategik kepada pengusaha ladang ternakan dan sayuran seperti menjadi orang tengah untuk membantu memasarkan produk kepada sektor pembuatan dengan kos terkawal.

Kaedah lain termasuk memberi latihan kepada semua pihak dalam rantaian bekalan seperti pengangkutan dan logistik, kawalan mutu kualiti produk serta khidmat pelanggan, bagi menghapuskan kebergantungan dan peranan kartel memanipulasi pengurusan rantaian bekalan makanan.

Di samping itu, kebergantungan industri makanan tempatan kepada tenaga buruh asing juga perlu diperhalusi dengan lebih cekap kerana ketika ini 75 peratus pekerja dalam sektor perladangan adalah buruh asing.

Kebergantungan kepada tenaga buruh asing ini bertambah kritikal ketika pandemik COVID-19 melanda sehingga kekurangan tenaga kerja di sektor perladangan memberi impak kepada hasil pengeluaran tanaman dan bahan mentah, sekali gus harga produk makanan melambung berikutan permintaan dan penawaran tidak seimbang.

Justeru, kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM) perlu memikirkan formula strategik mengurangkan kebergantungan tenaga buruh asing dalam industri makanan serta perladangan.

Hal ini perlu dilihat sebagai serampang dua mata kepada sektor ekonomi Malaysia apabila dapat meminimumkan aliran wang keluar negara, sekali gus dapat mengukuhkan nilai mata wang ringgit serta mampu mengawal inflasi.

Dasar Pandang ke Timur juga berpotensi menjadi penyelesaian kepada industri dan kerajaan mengawal kenaikan harga barang makanan kerana Jepun memberi fokus kepada sektor teknologi pertanian bagi memastikan sekuriti makanan negara itu terjamin.

Adaptasi teknologi dalam sektor pertanian boleh dilakukan bagi meningkatkan hasil pengeluaran serta kualiti produk pertanian. Kaedah ini juga mampu meningkatkan simpanan bekalan makanan.

Kerajaan melalui Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) juga boleh menyediakan latihan dan perundingan bersesuaian industri terbabit untuk memastikan pengusaha sektor makanan memperoleh maklumat serta ilmu berkesan meningkatkan produktiviti, sekali gus dapat memasarkan produk makanan tempatan.

**Penulis adalah Pensyarah Kanan Jabatan Teknologi dan Pengurusan Rantaian Bekalan, Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/6/2022	HARIAN METRO	LOKAL	27

# Jangan naik harga ayam terlalu mahal'

**Putrajaya:** Peniaga diberikan amaran tidak menaikkan harga ayam terlalu mahal susulan penamatan Penentuan Harga Maksimum Ayam hujung bulan ini.

Menteri di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya akan terus memantau dan sedia mengambil tindakan tegas berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada jika ada aduan kenaikan drastik harga bekalan terbabit.

"Sudah diumumkan bahawa selepas Jun ini, harga ayam akan diapungkan tertakluk kepada bekalan dan permintaan.

"Namun, ia tidak bermakna apabila kita apungkan harga ayam, kita membiarkan begitu sahaja. Kita masih pantau dan jika ada aduan, ada pencatutan selepas siasatan, KPDNHEP akan gunakan akta sedia ada," katanya selepas Majlis Penyerahan Watikan Pelantikan Ahli Majlis Penasihat Peng-

guna Negara (MPPN) Sesi 2022-2023 di sini, semalam.

Kerajaan sebelum ini melanjutkan Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur bagi ayam standard, ayam super dan telur ayam hingga 30 Jun ini sejak ia dilaksanakan Januari lalu.

Ia bermakna, harga ayam akan mula diapungkan selepas tarikh berkenaan.

Malah Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebelum ini dilaporkan berkata, kerajaan tidak lagi memberi subsidi kepada penternak sebaliknya menyalurkannya kepada rakyat yang memerlukan terutama golongan B40.

Beliau berkata, langkah itu bertujuan mengurangkan bebanan rakyat supaya tidak terlalu tertekan dengan kenaikan harga barang.

Mengulas lanjut, Alexander berkata, inflasi yang melanda bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia hingga memberi kesan kepada kenaikan harga barangan.

# Harga ayam terus dipantau

## KPDNHEP beri amaran tindakan tegas kepada peniaga

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
mohd\_iskandar@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi amaran supaya peniaga tidak menaikkan harga ayam dengan keterlaluan susulan penamatan Penentuan Harga Maksimum Ayam, hujung bulan ini.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata pihaknya akan terus memantau dan mengambil tindakan tegas berdasarkan peruntukan undang-undang jika menerima aduan kenaikan drastik harga bekalan terbahit.

"Kita sudah umumkan bahawa

selepas Jun ini, harga ayam akan diapung tertakluk kepada bekalan dan permintaan.

"Bagaimanapun, ia bukan bermakna apabila kita apungkan harga ayam, ia dibiar begitu sahaja kerana kita terus pantau dan jika ada aduan, ada pencatutan selepas siasatan, KPDNHEP akan bertindak gunakan akta sedia ada," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Penyerahan Waktikan Pelantikan Ahli Majlis Penasihat Pengguna Negara (MPPN) Sesi 2022-2023 di sini, semalam.

Kerajaan sebelum ini melanjutkan Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur bagi ayam standard, ayam super dan telur ayam sehingga 30 Jun ini sejak ia dilaksanakan pada Januari lalu.

Ia bermakna, harga ayam akan mula diapungkan selepas tarikh berkenaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, sebelum ini dilaporkan berkata kerajaan tidak lagi memberi subsidi kepada penternak sebaliknya menyalurkannya kepada rakyat yang memerlukan terutama golongan B40.

Beliau berkata, langkah terbabit bertujuan mengurangkan bebanan rakyat supaya tidak terlalu tertekan dengan kenaikan harga barang. Alexander berkata, inflasi bukan sahaja

melanda Malaysia malah di seluruh dunia sehingga memberi kesan kepada kenaikan harga barangan.

"Kita dalam masa tertekan sebagai sebuah negara, ekonomi kerana inflasi yang melanda bukan sahaja negara kita malah

seluruh dunia.

"Ia bukan lagi sekadar permintaan dan bekalan seperti biasa kerana sekarang banyak isu berkaitan, gangguan kepada rantaian seperti pengangkutan, peperangan Russia-Ukraine dan keadaan cuaca terutama di negara pengeluar.

"Bukan kita tidak pedulikan pengguna, tetapi kita dapati jika terlalu lama buat sekatan harga, ia merjejaskan industri dan boleh menjurus kepada keadaan ayam pun tak dapat dikeluarkan di negara ini jika industri terjejas.

"Jika sampai ke tahap itu, kita mungkin bergantung kepada pengimportan ayam dan ia tidak patut berlaku," katanya.

Terdahulu, beliau menyampaikan watakah pelantikan kepada 16 ahli MPPN baharu diketuai aktivis pengguna, Mohd Azmi Abd Hamid.

Antara yang dilantik adalah Pengarang Kumpulan BH, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzaman.

## FOMCA minta pengguna buat aduan

**Kuala Lumpur:** Penamatan Penentuan Harga Maksimum Ayam hujung bulan ini dijangka boleh menstabilkan harga ayam di pasaran.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata apabila harga siling ayam ditetapkan kepada RM9.90, berlaku masalah bekalan ayam.

Namun, jika harga ditetapkan mengikut pasaran, harga ayam boleh distabilkan.

"Tindakan kerajaan untuk menyalurkan bantuan terus kepada golongan B40 adalah satu tindakan baik. Sebelum ini apabila kerajaan menetapkan harga siling, kerajaan terpaksa membayar subsidi kepada penternak.

"Lebih kurang 30 peratus sahaja penternak menuntut subsidi yang sudah diperuntukkan.

"Selebihnya tidak melakukan sebarang tuntutan," katanya.

Yusof turut menyeru pengguna untuk membuat aduan jika terdapat peniaga yang meletakkan harga melebihi harga pasaran.

"Pemantauan yang dijalankan sebelum ini tidak berapa berkesan kerana bilangan pasar yang ada di Malaysia banyak manakala bilangan penguat kuasa adalah terhad.

"Justeru, kerjasama semua pengguna diperlukan untuk melaporkan aduan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"KPDNHEP akan memberikan notis kepada peniaga dan jika mereka gagal untuk memberikan sebab yang munasabah, tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan.

"Kerajaan sudah mewujudkan pelbagai saluran untuk melakukan aduan pengguna perlu bertindak," katanya.

Yusof juga menyarankan pengguna supaya mempelbagaikan juadah mereka untuk mengurangkan permintaan ayam.

Katanya, ini berikutan, harga pasaran adalah berdasarkan permintaan.

Jika permintaan melebihi bekalan yang ada harga akan melambung naik.



Alexander Nanta  
Linggi

# Harga ayam akan naik bulan depan apabila diapungkan

Kementerian Kewangan rangka pemberian bantuan kepada golongan memerlukan yang akan dimuktamad hujung bulan ini

PUTRAJAYA

**H**arga ayam dijangka naik bulan depan apabila ia diapungkan ekoran berakhirnya skim harga maksimum runcit ayam pada 30 Jun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, susulan jangkaan kenaikan harga ayam, Kementerian Kewangan sedang merangka pemberian bantuan kepada golongan memerlukan yang akan dimuktamadkan hujung bulan ini.

"Kementerian Kewangan akan laksanakan sesuatu untuk bantu mereka memerlukan dalam berdepan dengan kenaikan harga ayam di pasaran," katanya pada sidang akhbar selepas majlis perhimpunan bulanan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal

Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di sini pada Khamis.

Pada masa ini kerajaan menetapkan harga maksimum runcit ayam dan telur bagi Semenanjung Malaysia bagi ayam bulat standard adalah pada RM8.90 sekilogram dan ayam bulat super (disembelih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal) pada RM9.90 sekilogram.

Sebelum ini, dilaporkan penternak berharap kerajaan mengapungkan harga ayam susulan penamatan subsidi kepada mereka. Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, berkuat kuasa 1 Julai, Putrajaya tidak lagi akan memberikan subsidi kepada penternak ayam.

Nanta berkata, penamatan skim harga maksimum ayam bukan bermaksud kerajaan tidak mepedulikan pengguna, tetapi ia boleh menjejaskan industri ternakan ayam dalam jangka masa panjang, termasuk keadaan negara tidak lagi dapat mengeluarkan sumber ayam sendiri dan terpaksa mengimport.

"Sebab itu perlu diteliti secara mendalam dan seharusnya kita hentikan harga maksimum dan bantu pengguna yang berpendapatan rendah cara lain, bukan lagi subsidi pukai," ujarnya.



NANTA LINGGI

Nanta dalam pada itu mengingatkan pemain industri agar tidak menggunakan kesempatan menerusi harga apungan dengan menaikkan harga ayam sewenang-wenangnya.

Apabila harga ayam diapungkan, katanya KPDNHEP akan turut memantau aspek harga dan jika perlu akan menggunakan kuasa di bawah Akta Kawalan Harga dan

Antipencatutan (AKHAP) 2011 sekiranya terdapat peniaga mencatut, yakni mengambil untung suatu barangan atau perkhidmatan secara berlebihan.

"Saya harap pihak industri tidak akan mengambil kesempatan dan menaikkan harga terlalu tinggi. Kita boleh terima sekiranya ia dilaksanakan dengan berpatutan, kerana kita pun tahu bahawa kos operasi telah meningkat," jelasnya.

Pada majlis perhimpunan bulanan itu, Nanta menyerahkan wafatikan pelantikan kepada 12 daripada 16 Ahli Majlis Penasihat Pengguna Negara (MPPN) 2022-2023. Ditubuhkan pada 2000, MPPN dianggotai wakil persatuan pengguna, ahli akademik dan pertubuhan bukan kerajaan bagi membincangkan isu kepenggunaan. - Bernama

## Nafas kenal pasti 12,140 hektar kawasan tanaman jagung bijian di Kelantan, Terengganu

**SHAH ALAM** - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) telah mengenal pasti kawasan seluas 12,140 hektar di Kelantan dan Terengganu yang sebelum ini digunakan bagi tanaman tembakau untuk digunakan semula bagi tanaman jagung bijian.

Nafas dalam satu kenyataan pada Khamis berkata, mereka bersedia membantu kerajaan dalam merealisasikan usaha mengurangkan kebergantungan terhadap import jagung bijian yang merupakan antara bahan mentah utama dalam penghasilan makanan ternakan.

Menurutnya, ia sekali gus dapat memastikan harga ayam di pasaran kekal relatif dan stabil.

"Kami juga menyasarkan untuk menguasai 20 peratus pasaran ayam dengan pengeluaran 144 juta ekor setahun."

Nafas terlibat dalam rantaian industri ternakan ayam selaras dengan saranan kerajaan yang mahu kerjasama awam dan swasta diperkukuh bagi meningkatkan hasil pertanian khususnya

industri ternakan ayam," katanya.

Dalam kenyataan sama, penglibatan pertubuhan itu dalam rantaian nilai industri ayam dilihat akan dilaksanakan melalui pemerkasaan rangkaian Pertubuhan Peladang bermula dengan Nafas di peringkat induk.

"Seterusnya diikuti struktur pergerakan Pertubuhan Peladang tiga peringkat terdiri daripada 14 Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), 279 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan hampir satu juta ahli peladang di seluruh negara.

"Usaha ini dalam masa yang sama dilihat dapat mewujudkan peluang pekerjaan yang baharu dan meningkatkan aktiviti ekonomi di sekitar kawasan yang terlibat sekali gus meningkatkan hasil pendapatan bagi penduduk setempat," katanya.

Tambahnya, Malaysia ketika ini mengimport hampir 100 peratus jagung bijian atau kira-kira dua juta tan setahun dari negara seperti Argentina, Brazil dan Amerika Syarikat (AS).

## Bangun tanah terbiar antara usaha sekuriti makanan

**PUTRAJAYA** - Membangunkan tanah terbiar milik individu, agensi atau kerajaan negeri untuk pertanian adalah antara pendekatan yang akan diambil kerajaan untuk memastikan sekuriti makanan dalam negara terjamin.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, penggunaan tanah terbiar untuk pertanian adalah antara perkara yang akan dibincangkan dalam mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob hujung bulan ini.

"Kita mencari langkah dan tindakan untuk menjamin bekalan makanan, jadi ruang untuk membangunkan tanah terbiar adalah antara langkah dan tindakan yang difikirkan kerajaan untuk memastikan kelangsungan bekalan makanan," ujarnya dalam sidang akhbar selepas melancarkan Program Pecutan Berasaskan Biologi (BBA) di sini pada Khamis.

Isnin lepas, Ismail Sabri berkata, kerjasama antara kerajaan Persekutuan dan negeri akan dipertingkatkan dalam usaha menambah keluasan tanah bagi kegunaan pertanian yang bertujuan antaranya men-

jamin sekuriti makanan dan mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan.

Dalam usaha mengurangkan kos input dan kos bahan makanan yang dialami negara, Ronald berkata, antara langkah yang sedang dipertimbangkan adalah penggunaan sisa isirung sawit sebagai makanan haiwan dan bagaimana kerajaan dapat menampung kos penggunaan sisa isirung sawit itu dalam industri ternakan haiwan.

"Begitu juga kita melihat (jika) tarif elektrik yang dikenakan dalam sektor agromakanan boleh dikurangkan supaya dapat mengurangkan kos pengeluaran," katanya.

Ketika berucap, Ronald berkata, syarikat yang terlibat di bawah program BBA akan dibantu dan dibimbing dari segi pembangunan teknologi dan produk, akses pasaran, pengkomersialan fasiliti perkongsian serta menjadikan syarikat mereka berstatus BioNexus.

"Program ini akan mampu memperkukuhkan lagi agenda Sekuriti Makanan Negara dengan membantu syarikat baru, perniagaan mikro atau syarikat besar yang berasaskan bio dengan menjadikannya lebih berinovatif," tambahnya. - Bernama

### 10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING

SETAKAT JAM 5 PETANG KHAMIS

1 'RUNSING PENGUNJUNG KE JANDA BAIK MAKIN MEROSOT'

2 PADAH UBAH SUAI KELISA JADI DAIHATSU

3 72 KONGSI GELAP DALAM RADAR POLIS

4 MAMPUKAH MELUPUS KERETA LAMA SURAI KESEKARAN JALAN?

5 DUA BULAN TIDAK KE LAUT JAGA ISTERI HIDAP KANSER

6 SUSPEK ROGOL 19 TAHUN LALU DIBEBAS DENGAN JAMINAN POLIS

7 DUA SAHABAT KARIB KONGSI KEJAYAAN PEROLEH 9A+

8 787 CALON SPM DI PERAK PEROLEH SEMUA A

9 TERBUKA INDONESIA: ZII JIA JUMPA JUARA DUNIA DI SUKU AKHIR

10 'USAIN BOLT MALAYSIA' CEMERLANG SPM





Mohideen said a study should be conducted to ascertain the reasons Malaysia needs to import produce that can be grown locally. — SYED AZAHAR SYED OSMAN/THE SUN

# 'Middlemen not entirely to blame'

➤ Increase in prices of vegetables influenced heavily by fluctuating costs of importing produce, says Fomca chief

■ BY RAJVINDER SINGH  
newsdesk@thesundaily.com

**PETALING JAYA:** Blaming middlemen for the high price of vegetables or other goods is not always right as sometimes, they are merely being made scapegoats.

Federation of Malaysian Consumers Associations (Fomca) president Datuk Dr Marimuthu Nadason said blaming them seems to be the easy way out.

"It must be remembered the country imports nearly RM1 billion worth of agriculture products. Prices will go up and down depending on the cost of imports. To put the blame entirely on the middleman is not the answer."

He said the government needs to step in to

help farmers by developing the required infrastructure, providing finance at low interest and offer other help farmers need to be successful.

Marimuthu added that the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) should be aggressively helping farmers by marketing their produce and ensuring it is sold.

"The government must help farmers sell their produce by guaranteeing a minimum price for it. By helping farmers, prices will come down. But currently, there is no proper agriculture policy that provides such help."

He said a comprehensive agriculture policy is needed to help farmers and ensure they do not have to rely on middlemen, who are presently important to farmers who need help

marketing their produce. Middlemen also provide credit and pay cash for the produce they purchase, and this contributes to farmers' reliance on them.

Consumer Association of Penang (CAP) president Mohideen Abdul Kader said before playing the blame game, the government needs to find out which parties are responsible for the high prices of vegetables.

"There have been reports of vegetable cartels. So, are they or the middlemen to be blamed for high prices?" he said, adding that going after the sellers was not the answer as they are at the end of the distribution system.

"The country has a high import bill and relies on imported produce. There should be a comprehensive study on why the nation needs to import produce that can be locally grown," he added.

"The problem in Malaysia is when an issue is hot, everyone joins the bandwagon to comment. But after a month or so when another issue crops up, the plight of farmers is forgotten."